

31/07/1999

Pas tidak wajar kecam tindakan guru SAR

PASIR MAS, Jumaat - Pas perlu melihat dalam konteks positif dan bukan politik, berhubung tindakan Persatuan Guru-Guru Sekolah Agama Rakyat Bantuan Kerajaan Kelantan (PGSARBK) menyerahkan memorandum kepada Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, di Kuala Lumpur, tiga hari.

Malah, rombongan PGSARBK diketuai Pengerusinya, Mohamad Awang, hanya sekadar meminta Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan memberi perhatian sewajarnya terhadap nasib guru dan pelajar Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata beliau tidak nampak PGSARBK melakukan kesalahan kerana perjumpaan itu bukan mendesak kerajaan mengambil alih pentadbiran SAR tetapi bagi menyuarakan kedaifan sistem pembelajaran di SAR.

Katanya, tindakan itu sama seperti pertemuan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memohon pinjaman RM600 juta bagi menyelesaikan masalah bekalan air tidak lama dulu.

"Dengan melenting tidak tentu arah termasuk menyifatkan tindakan itu sebagai kanak-kanak nakal dan tidak berdisiplin memperjelaskan lagi kepada rakyat bahawa beliau seorang pemimpin yang amat rendah martabatnya.

"Sepatutnya dia (Nik Aziz) bersyukur kerana langkah diambil PGSARBK bertemu Najib adalah untuk kebaikan kerajaan negeri di samping sekolah, guru dan pelajar SAR," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Nik Aziz yang dilaporkan kecewa dengan sikap PGSARBK bertindak menghantar memorandum kepada Najib untuk mendapat pembelaan Kerajaan Pusat dan disifatkan sebagai tidak berdisiplin kerana membelakangkan keputusan kerajaan negeri yang tidak akan menyerahkan SAR kepada Kerajaan Pusat.

Ibrahim yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut menyifatkan Murysidul Am Pas sebagai 'bapa nakal' yang membelakangkan kerajaan negeri kerana tindakannya berjumpa dengan Dr Mahathir bagi mendapatkan pinjaman.

"Jadi dia (Nik Aziz) tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan berbau ugutan kerana perbuatan itu seolah-oleh menyekat kebebasan dan mengongkong persatuan daripada menyuarakan pandangannya," katanya.

"Apa yang Pas buat sebelum ini ternyata sekali bersifat kediktatoran seperti mengongkong kebebasan rakyat yang tidak sewajarnya mereka lakukan," katanya.

Ibrahim berkata, walaupun kerajaan negeri tidak bersetuju menyerahkan SAR kepada Kementerian Pendidikan, Kerajaan Pusat pada prinsipnya berhak mengambilnya.

(END)